



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2010 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 1113  
**SUBJECT TITLE** : BAHASA KEBANGSAAN 1  
**LEVEL** : DIPLOMA  
**TIME / DURATION** : 1.00pm – 4.00pm  
( 3 HOURS )  
**DATE** : 03 MAY 2010

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This questions paper consists of **THREE (3)** sections. Section A,B and C. Answer **ALL** questions in section A and B. For Section C answer **ONE (1)** question only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

**THERE ARE 12 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Kesemua perkataan berikut betul ejaannya **melainkan**
  - A. gembheng
  - B. korum
  - C. se-Malaysia
  - D. atur cara
  
2. "Penulis telah berjaya mewarnai watak-watak antagonis dan protagonis dengan jayanya."  
Ayat di atas menggunakan laras
  - A. sastera.
  - B. linguistik.
  - C. politik.
  - D. kebudayaan.
  
3. Yang manakah berikut ini **tidak** memerlukan penggunaan tanda sempang?
  - A. Se-Malaysia
  - B. 90-an
  - C. Ibu-bapa
  - D. Hamba-Mu ya tuhanku
  
4. "Ahmad ke Melaka petang semalam."  
Predikat dalam ayat ini merupakan
  - A. frasa kerja
  - B. frasa adjektif
  - C. frasa nama
  - D. frasa sendi nama
  
5. Sesuatu isu yang ditulis dalam sesebuah rencana
  - A. hanya akan dibaca untuk tempoh tertentu sahaja.
  - B. boleh dijadikan bahan rujukan pada bila-bila masa.
  - C. boleh dijadikan bahan rujukan tetapi untuk tempoh tertentu sahaja.
  - D. akan basi apabila isu yang ditulis itu sudah tidak dibincangkan lagi.

6. Yang manakah berikut ini ayat aktif yang mengandungi dua objek?
- A. Halimah menghidangi tetamunya kuih-muih.
  - B. Wakil rakyat akan mendermakan basikal-basikal tersebut kepada pelajar-pelajar sekolah yang miskin.
  - C. Pihak penganjur akan menyediakan minuman untuk para peserta.
  - D. Kertas cadangan akan saya sediakan secepat mungkin.
7. "Kami perlu menyiasat kes ini terlebih dahulu."  
Bentuk pasif bagi ayat aktif ini ialah
- A. Kes ini perlu kami siasat terlebih dahulu.
  - B. Terlebih dahulu kami perlu menyiasat kes ini.
  - C. Kes ini perlu disiasat oleh kami terlebih dahulu.
  - D. Kes ini perlu disiasat terlebih dahulu oleh kami.
8. "Pegawai pencegah rasuah yang ditangkap kerana menerima rasuah telah dibawa ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia untuk soal siasat dan akan dihadap ke muka pengadilan."  
Ayat majmuk di atas merupakan ayat majmuk
- A. relatif
  - B. komplimen
  - C. gabungan
  - D. campuran
9. Kesemua ayat-ayat berikut tidak gramatis **kecuali**
- A. Dia rindukan ibunya di kampung.
  - B. Sudah tibalah masanya untuk Ahmad memperisterikan anaknya yang sudah sempurna kehidupannya.
  - C. Kemalangan sering berlaku di musim-musim perayaan.
  - D. Adalah dimaklumkan bahawa majlis gotong-royong yang dijadualkan berlangsung pada hujung minggu ini terpaksa dibatalkan.
10. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam sesebuah laporan perlu
- A. ringkas dan padat.
  - B. jelas dan meyakinkan.
  - C. panjang dan meleret-leret.
  - D. mengikut cita rasa penulis.

11. Dalam penulisan karangan, bahagian pengenalan antara lain perlu memiliki
- A. beberapa perenggan
  - B. isi utama
  - C. gagasan pusat
  - D. sub-sub isi.
12. Untuk menyempurnakan satu-satu isi yang dikemukakan dalam sesebuah karangan, sesuatu isi itu perlulah
- A. dibahagikan kepada beberapa perenggan
  - B. dipecahkan kepada sub-sub isi.
  - C. dimuatkan dengan ayat-ayat tanya
  - D. disusun secara hierarki.
13. Sesebuah laporan antara lain perlu dimuatkan perkara-perkara berikut **kecuali**
- A. ringkasan laporan
  - B. kandungan laporan
  - C. cadangan.
  - D. perkaedahan.
14. Bahagian kertas yang memberi gambaran umum secara menyeluruh sesebuah kertas kerja yang ditulis tidak melebihi dua ratus perkataan dikenali sebagai
- A. pengenalan
  - B. sinopsis
  - C. berbincangan
  - D. objektif
15. Antara ciri-ciri kertas kerja projek/cadangan ialah
- I. abstrak/sinopsis
  - II. objektif
  - III. jangka masa diperlukan
  - IV. kumpulan sasaran.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. II, III dan IV.



16. Dalam penulisan karangan, antara aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian ialah
- I. tatabahasa dan ejaan
  - II. perumpamaan, simpulan bahasa dan bidalan.
  - III. tautan
  - IV. perenggan.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. II, III dan IV.
17. Pilih ayat yang tidak gramatis.
- I. Mereka bersedia menyelesaikan perbalahan itu di luar mahkamah.
  - II. Kami kehujanan semasa dalam perjalanan ke mari.
  - III. Ali menjelaskan yang dia terpaksa menanggungkan majlis tersebut kerana kekurangan wang.
  - IV. Dia merelakan anaknya menyertai pasukan keselamatan demi untuk mempertahankan negara.
- A. I. dan II.
  - B. I. dan III.
  - C. II. dan III.
  - D. III. dan IV.
18. Ayat yang manakah berikut ini menggunakan struktur ayat songsang?
- I. Sakit ibu ketika kami menziarahinya minggu lepas.
  - II. Kanak-kanak itu sedang bermain di padang.
  - III. Sedang membasuh kain ibu ketika menerima perkhabaran itu.
  - IV. Tembok itu terlanggar oleh sebuah lori.
- A. I. dan II.
  - B. I. dan III.
  - C. II. dan III.
  - D. III. dan IV.

19. Sumber maklumat yang digunakan untuk penulisan rencana diperolehi daripada
- I. sumber-sumber rujukan yang dikaji
  - II. wawancara dengan tokoh-tokoh yang berkaitan.
  - III. khabar-khabar angin.
  - IV. fakta-fakta yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan.
- A. I, II dan III.  
B. I, II dan IV.  
C. I, III dan IV.  
D. II, III dan IV.
20. Ayat-ayat yang manakah berikut ini **tidak** menggunakan kata pemeri dengan betul?
- I. Kegagalan pasukan kita untuk memenangi perlawanan itu *adalah* disebabkan kecuaiian pemain-pemain pertahanan kita.
  - II. *Adalah* diharapkan pihak tuan sudi menerima undangan ini.
  - III. Ali *ialah* seorang pelajar yang cemerlang.
  - IV. Buah-buahan ini *adalah* untuk diserahkan semasa pertemuan di majlis itu nanti.
- A. I. dan II.  
B. II dan III.  
C. I, II, dan III.  
D. III dan IV.

**BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Baca petikan berikut dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Jawapan hendaklah ditulis menggunakan ayat yang lengkap dan sempurna.

Menoleh kebangkitan Keranda 152

Oleh Rozais Al-Anamy

Sasterawan Negara Datuk Usman Awang telah menghasilkan puisi protes Keranda 152 pada 1967. Puisi ini membawa satu kebangkitan kalangan pejuang-pejuang bahasa apabila Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan yang dibentangkan di Parlimen ketika itu tidak menggambarkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan.

Disebabkan keengganan kerajaan menolak keputusan yang dibuat di Parlimen, para pejuang bahasa mengadakan perhimpunan besar-besaran di perkarangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 3 Mac 1967. Tujuannya untuk melahirkan protes kerana orang politik gagal meletakkan bahasa Melayu di tempat yang telah tertulis dalam Perlembagaan.

Tragedi bahasa Melayu yang membawa kepada perarakan Keranda 152 ke Parlimen itu berlaku sepuluh tahun selepas negara mencapai kemerdekaan. Dalam usia kemerdekaan yang dianggap masih muda kalangan tokoh politik Melayu telah lupa tentang peri pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Kalangan tokoh politik Melayu ketika itu kelihatan tidak ada semangat untuk memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu, semua ini terpancar daripada keputusan di Parlimen yang meletakkan bahasa Melayu di tempat yang tidak sepatutnya sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Kemarahan perjuang bahasa dan rakyat jelata tidak ada agenda politik di sebaliknya. Mereka berjuang demi bahasa Melayu yang mulai dipijak selepas sepuluh tahun merdeka.



Malangnya bahasa Melayu. Ini kerana selepas tragedi Keranda 152 empat dekad lalu, bahasa Melayu terus terpinggir dan dipinggirkan oleh kalangan politik Melayu sendiri. Ketika ini bahasa Melayu hanya pada nama saja menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Tetapi segi praktisnya bahasa Melayu berada di tempat tercorot. Bahasa Melayu tidak diasuh menjadi bahasa perpaduan ketika orang politik sibuk bercakap tentang perpaduan kaum.

Apakah kita memerlukan perhimpunan Keranda 152 yang kedua untuk menyedarkan kalangan pembuat dasar supaya bahasa Melayu diletakkan di tempat yang dimuliakan dalam Perlembagaan? Ketika pejuang bahasa dianggap kolot dan anti establishment, gerakan memartabatkan bahasa Melayu tetap diteruskan.

Petikan ucapan bekas Ketua Pengarah DBP, Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail pada perhimpunan Keranda 152 40 tahun lalu wajar menjadi renungan pembuat dasar. Kata Syed Nasir, " Saya menangis bukan kerana takut, tetapi air mata ini lahir daripada keharuan hati sanubari saya mengenangkan nasib bangsa saya. Saya tidak boleh buat apa-apa sekarang ini. Saya terikat."

Kalau ditoleh sejarah silam, bahasa Melayu telah menjadi bahasa bagi kerajaan Melayu-Islam, bahasa persuratan, bahasa undang-undang dan menjadi alat pengembangan agama Islam di Nusantara sejak abad ke 13. Bukan itu saja malah menjadi lingua franca perdagangan dan sosial sejak ratusan tahun dulu. Kemudian pada 1957 bahasa Melayu termaktub dalam Perlembagaan.

Perjuangan memartabatkan bahasa Melayu tidak pernah berhenti. Hari ini dan esok Persatuan Penulis Kuala Lumpur (Kalam), Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena), Persatuan Penulis Nasional (Pena), DBP dan banyak persatuan penulis serta NGO Melayu lain menganjurkan Hari Pejuang Bahasa 152. Acara yang akan dijadikan acara tahunan ini berlangsung hari ini dan esok di Rumah Gapena, Rumah Pena dan Balai Budaya DBP.

Ketua Satu Kalam, Mohamad Daud Mohamad memberitahu, mulai tahun ini Hari Pejuang Bahasa 152 akan dijadikan acara tahunan untuk mengingatkan kembali kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan dan berusaha meletakkan bahasa Melayu di tempat yang wajar dalam pembangunan negara masa kini.



## Sokongan

Menurutnya, Kalam yang mengepalai Hari Pejuang Bahasa 152 dengan sokongan banyak persatuan penulis dan NGO Melayu gembira kerana mendapat sokongan pelbagai pihak untuk menganjurkan acara penting bagi memperjuangkan bahasa Melayu di negara ini. Sokongan itu diharap boleh memberi isyarat kepada pembuat dasar supaya berhati-hati menggubal sesuatu dasar yang melibatkan masa depan dan kepentingan bahasa Melayu.

Hari Pejuang Bahasa 152 bermula malam ini dengan majlis tahlil di Rumah Gapena kemudian diikuti dengan majlis makan malam. Pada pukul 9 malam, diadakan Pengucapan Puisi 152 di Rumah Pena bersebelahan dengan Rumah Gapena. Difahamkan acara deklamasi puisi ini tidak menyenaraikan penyair tertentu tetapi terbuka kepada orang ramai untuk mendeklamasikan puisi bertemakan bahasa Melayu.

Esok pula akan berlangsung perasmian Hari Pejuang Bahasa 152 dan pelancaran Tabung Pembangunan Kegiatan Bahasa dan Sastera. Acara ini pada mulanya akan disempurnakan oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim. Bagaimana pun disebabkan pada saat akhir Dr. Rais mempunyai urusan di luar negara, Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Kamaruddin Sairaf akan mewakili Dr. Rais.

"Esok juga diadakan acara Sumpah Setia Bahasa, ucapama oleh Pengerusi Yayasan Karyawan Datuk Dr. Hassan Ahmad serta sesi wacana Peradaban Bahasa Melayu," jelas Mohamad Daud.

Sesi wacana membariskan ahli panel terdiri daripada Prof. Datuk Abdullah Hassan, Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain), Dr. Ridhuan Tee dan Dr. S. Nathesan Sellapan. Semua acara ini terbuka kepada orang ramai.

(Dipetik dari Utusan Malaysia 28 Februari, 2010)

- I. Pada tanggapan anda, apakah yang dimaksudkan oleh penulis apabila beliau mengungkapkan "Mereka berjuang demi bahasa Melayu yang mulai dipijak selepas sepuluh tahun merdeka."
  - II. Apakah sebabnya pertubuhan-pertubuhan bahasa Melayu mengadakan protes pada tiga Mac 1967?
  - III. Pada pandangan anda, apakah sebabnya penulis menyatakan bahawa bahasa Melayu terus terpinggir dan dipinggirkan selepas empat dekad tragedi Keranda 152?
  - IV. Apakah yang dapat anda faham daripada petikan ucapan bekas Ketua Pengarah DBP, Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail?
  - V. Pada pandangan anda, apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan bahasa pada hari ini akan dapat mengembalikan peranan bahasa Melayu sebagaimana termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Malaysia?
2. Sila baiki ayat-ayat berikut:
- A. Kepada mu ku pohon ampun ya tuhanku.
  - B. Dia menyatakan yang ibunya sedang bercuti di London.
  - C. Kegagalannya dalam ujian itu adalah disebabkan kecuaiannya sendiri.
3. Sila isikan ruang kosong dengan kata tugas yang sesuai.
- A. Semoga kalian berdua bahagia hingga \_\_\_ anak cucu.
  - B. Ah Meng sebenarnya berasal \_\_\_ negeri China.
  - C. \_\_\_ hari yang mulia ini kuucapkan selamat sejahtera serta semoga dipanjangkan umur.
4. Sila songsangkan ayat berikut
- A. dengan mendahulukan kata kerja dan objek.  
Ibu menyiram pokok bunga di halaman rumah.
  - B. dengan mendahulukan kata adjektif.  
Deia gembira setelah menerima berita itu.

5. Sila tukarkan ayat-ayat berikut sama ada daripada ayat aktif kepada ayat pasif atau sebaliknya.

A. Tunggul tersepak oleh Aminah ketika berjalan pulang malam tadi.

B. Saya telah menyiapkan tugas itu lewat malam tadi.

**BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN: Jawab SATU soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

Tuliskan sebuah karangan mengenai salah satu tajuk berikut. Panjangnya karangan itu hendaklah tidak kurang daripada 400 patah perkataan.

Penilaian akan dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Pengenalan	2 markah
Penyusunan isi	4 markah
Pengolahan isi	6 markah
Perenggan	4 markah
Tautan	4 markah
Kesimpulan	2 markah
Tajuk	2 markah
Jumlah	40 markah

**Soalan 1**

Penderaan kanak-kanak, satu jenayah yang perlu ditangani segera. Bincangkan.

(40 markah)

**Soalan 2**

"Tempat-tempat peranginan yang menarik di negeri saya."

(40 markah)

**Soalan 3**

Sila sempurnakan kisah di bawah mengikut kreativiti anda. Pastikan kisah yang disempurnakan itu bersesuaian dengan konflik yang dibina dalam petikan yang diberi.

(40 markah)



Markah diberi berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Tajuk	2 markah
Gubahan plot	4 markah
Perkembangan konflik	6 markah
Perenggan	4 markah
Tautan	4 markah
Klimaks dan peleraian	4 markah
Jumlah	40 markah

"...Ita memang nak balik, mak. Tapi sekarang ni Ita banyak sangat kerja nak disiapkan. Bila siap nanti Ita baliklah," masih jelas ppatah demi patah perkataan yang diucapkan kepada emaknya ketika Anita menelipon emaknya dua minggu yang lalu.

"Yalah. Jangan tak balik. Mak rindu sangat dekat kau." Kata-kata itu juga masih segar dalam ingatannya. Kata-kata itulah juga semacam terasa aneh oleh Anita. Bukannya dia tidak pernah pulang menjengah emaknya. Malah, baru dua buloan yang lepas dia menjengah orang tua itu. Kata-kata itu semacam menghantuinya. Oleh sebab itulah juga dia bersungguh-sungguh mahu menyiapkan segala tugas. Dia mahu segera pulang. Jauh di sanubarinya dia terasa begitu sayu sekali. Kalau petang ini dia dapat menyiapkan tugas yang sudah tidak seberapa lagi itu, esok pagi-pagi dia akan bertolak balik.

Tiba-tiba telefon di mejanya berdering. "Cik Anita, ada panggilan dari ....".

**KERTAS SOALAN TAMAT**